

TEKS PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2021

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah Rabbil A'lamين wa bihi Nastain, Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ **dan salam sejahtera**

1. Apa khabar *the Navy People*? Saya berharap semoga semua dalam keadaan sihat walaafiat. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2021 kepada seluruh warga Tentera Laut Diraja Malaysia.

2. Perutusan Tahun Baharu merupakan platform untuk saya menyampaikan imbasan TLDM bagi tahun 2020, serta aspirasi kita bagi tahun 2021. Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Illahi, dengan berkat keizinanNya, kita semua telah berjaya mengharungi tahun 2020 yang getir disebabkan pandemik COVID-19 dengan penuh dedikasi dan tabah. **Syabas dan tahniah!**

Warga *the Navy People* yang saya kasihi sekalian,

3. TLDM turut terkesan dengan pandemik ini, statistik tertinggi telah dicatatkan pada 19 Disember 2020, seramai **102** warga, keluarga dan anggota awam telah disahkan positif. Statistik semasa pula kekal di antara 50 - 60 kes positif. Pandemik telah banyak mengubah kelaziman, gaya hidup dan rutin seharian kita. Pelbagai program dan aktiviti terpaksa ditangguhkan dan sebahagiannya dibatalkan.

4. Pelbagai mekanisme dan kaedah baharu telah diperkenalkan oleh kerajaan dan TLDM. Kita tiada pilihan dan perlu patuh kepada SOP serta mempraktikkan norma baharu. Ianya bagi mengimbangi kelangsungan hidup seharian dan pelaksanaan tugas kita sebagai warga TLDM.

5. Walaupun berdepan dengan pandemik ini, Kesiagaan Armada tetap menjadi teras utama. Secara keseluruhannya, purata kesiagaan aset TLDM bagi tahun 2020 berada pada tahap memuaskan dan tidak

banyak perubahan berbanding tahun 2019. Saya menyeru agar usaha-usaha diteruskan untuk mempertingkatkan kesiagaan aset-aset kita.

6. TLDM juga bertanggungjawab mengetuai komponen maritim dalam Operasi Benteng kendalian *National Task Force*. Operasi melibatkan 19 pelbagai agensi keselamatan dan penguatkuasaan bagi mengekang kemasukan PATI yang dikhuatiri membawa virus COVID-19. Sebagai rekod, sebanyak 171 siri Op BENTENG LAUT telah dilaksanakan dengan jumlah 1,836 hari pengoperasian di laut bagi kesemua aset-aset yang terlibat. Ini membuktikan Armada kita mampu untuk beroperasi dalam tempoh yang panjang.

7. Tempo operasi yang tinggi memerlukan aset berdaya tahan atau *sustainable asset*. Bagi mempertingkatkan kesiagaan aset, beberapa inisiatif dan program yang telah dilaksanakan pada tahun lalu akan diteruskan secara berperingkat sehingga tahun 2024 merangkumi:

- Program menangani keusangan atau *Obsolescence Program* (OP) untuk KD PERDANA, KD GANYANG, Skadron Korvet Ke-24 dan Skadron MCMV Ke-26.
- Pemasangan 14 buah *Indigenous Combat Management System* (iCMS) untuk kapal Skadron FAC dan;
- Program *Repowering* 6 buah kapal serta 5 buah bot tempur.

8. Tahun 2020 juga menyaksikan kejayaan TLDM mencipta sejarah melaksanakan rutin pasang pulih sepenuhnya di Malaysia bagi kedua-dua kapal selam Scorpene.

Warga *the Navy People* yang saya kasihi sekalian,

9. Dari aspek perancangan dan perolehan aset baharu pula, tahun 2020 menyaksikan kejayaan:

- Kapal pertama *Littoral Mission Ship* (LMS) KD KERIS menyertai Armada TLDM pada 17 Januari 2020. Manakala, LMS ke 2, SUNDANG baru sahaja kita terima pada 14 Januari 2021. In sha Allah, LMS 3 dan

LMS 4 pula akan kita terima pada bulan Ogos dan November juga pada tahun ini.

- Selain itu, kita juga menerima 6 daripada 12 buah pesawat *Unmanned Aerial Systems* (UAS) ScanEagle. Seterusnya, baki 6 buah UAS lagi dijangka akan diterima pada bulan Jun 2021.
- Kontrak perolehan 3 buah Helikopter Operasi Maritim (HOM) juga telah dimeterai pada 2 Sep 20 yang lalu. Helikopter pertama dijangka diterima pada 30 Oktober 2022, helikopter kedua pada 31 Mei 2023 dan yang terakhir pada 28 Februari 2024.
- Dan sebagai penutup tirai 2020, TLDM turut berjaya memperoleh tambahan 11 buah *Rigid Hull Inflatable Boat* (RHIB), sebuah *Multipurpose Boat*, dan 6 buah *Fast Combat Boat* (FCB) untuk keperluan Op Benteng.

10. Selaras dengan pelan pembangunan yang telah direncanakan dan keperluan operasi masa hadapan, TLDM turut merancang untuk melaksanakan perolehan melalui peruntukan RMK-12 yang bermula 2021 hingga 2025 yang merangkumi:

- *Littoral Mission Ship* (LMS).
- *Bridge Simulator dan Action Speed Tactical Trainer* (ASTT).
- Helikopter Operasi Maritim (HOM).
- *Fast Combat Boat* (FCB).
- *Multi Roles Support Ship* (MRSS).
- *Vertical Take-off and Landing* (VTOL) *Unmanned Aerial System* (UAS).
- *Special Force Boat* (SFB) dan;
- *Anti-Submarine Warfare* (ASW) *Helicopter*.

11. Dari aspek pembangunan infrastruktur pula, pada tahun 2020 TLDM telah berjaya menyiapkan beberapa projek pembangunan, antaranya:

- Projek Pembinaan Pangkalan TLDM Sungai Lunchoo telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada 6 Mac 2020.
- Penerimaan Bangunan Blok Utama, Projek pembinaan semula infrastruktur asas Pulau Jarak pada 9 September 2020 dan;
- Projek menaik taraf Masjid An-Nur, Pangkalan TLDM Lumut berkapasiti 3,500 jemaah telah disiapkan sepenuhnya pada 9 Julai 2020.

12. Bagi tahun 2021, beberapa projek pembangunan juga telah dirancang seperti:

- Peningkatan infrastruktur MAWILLA 2 termasuk pembinaan Jeti Operasi yang baharu berukuran 300 meter.
- Tiga projek pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) terbahagi kepada 202 unit pelbagai kelas di PHN, 1,036 Unit di PTKK dan 375 Unit di Sandakan serta;
- Projek pembinaan sebuah bangunan tambahan Wisma Laskar di PTKK.

13. Dari aspek pengurusan kewangan, pada tahun 2020, TLDM telah diperuntukan sebanyak **RM2.752 bilion** merangkumi **RM1.406 bilion** bagi Belanja Mengurus (OE) dan Belanja Pembangunan (DE) **RM1.346 bilion**. Secara keseluruhannya, **97 %** daripada jumlah peruntukan tersebut telah berjaya dibelanjakan.

14. TLDM juga telah diperuntukan tambahan sebanyak RM10 juta di bawah Projek Ransangan Ekonomi (PRE) 2020 dan RM7 juta di bawah projek PRIHATIN. Ianya bertujuan menambahbaik, menyelenggara prasarana dan kemudahan infrastruktur serta pembaikan kenderaan.

15. Manakala bagi tahun 2021, TLDM diperuntukan sebanyak **RM2.916 bilion** iaitu peningkatan sebanyak **RM164 juta (5.96%)** berbanding tahun lalu. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM1.683 bilion** diperuntukan untuk Belanja Mengurus (OE) dan **RM1.233 bilion** untuk

Belanja Pembangunan (DE). Justeru, saya menggesa semua pengurus PTJ untuk merangka strategi perbelanjaan yang bersesuaian bagi memastikan peruntukan yang diterima dapat dibelanjakan secara optimum dan berhemah.

Warga the *Navy People* yang saya kasihi,

16. Sepanjang tahun 2020, pelaksanaan ekseseis *bilateral, multilateral*, antara perkhidmatan dan ekseseis tunggal turut terkesan. Daripada 35 siri ekseseis yang dirancang hanya 5 siri ekseseis sahaja dapat dilaksanakan. Ini secara tidak langsung mengurangkan pendedahan warga kepada ekseseis berskala besar sepanjang tahun 2020.

17. Bukan itu sahaja, pelaksanaan kursus dan latihan juga turut terkesan. Daripada 561 siri kursus RALA yang dirancang, sejumlah 71 kursus terpaksa dibatalkan. Dalam hal ini, saya melihat penggunaan teknologi maklumat boleh dioptimumkan. Pendekatan pembelajaran secara atas talian merupakan alternatif yang boleh diperkembangkan. Penggunaan aplikasi *Learning Information Naval Reservist* atau LiNar yang dibangunkan dan digunakan Pasukan Simpanan Sukarela TLDM wajar dicontohi dalam meneruskan latihan dan pembelajaran.

Warga the *Navy People* sekalian,

18. Sepanjang tahun 2020, seramai **375 pegawai dan 2,896 anggota TLDM** telah berjaya dinaikkan pangkat. Lebih membanggakan, sejarah telah tercipta apabila TLDM untuk kali pertama mempunyai Pegawai Wanita berpangkat Laksamana Pertama. Pelantikan Pemangku Laksamana Pertama Rohana binti Jupri ini kaum wanita juga berpeluang untuk dinaikkan pangkat dan menjawat jawatan penting di dalam perkhidmatan.

19. TLDM juga memberi fokus terhadap moral dan kesejahteraan warganya. Pada tahun 2020, Majlis Konvokesyen Program *Recognition Of Prior Experiential Learning* atau RPEL telah berjaya dianjurkan buat julung kalinya. RPEL merupakan program khusus untuk mengiktiraf pengalaman warga TLDM untuk dianugerahkan Diploma Kemahiran sekaligus meningkatkan kebolehpasaran apabila bersara kelak.

20. Dari aspek disiplin pula, statistik Kesalahan Tatatertib bagi tahun 2020 menunjukkan peningkatan kes kesalahan jenayah dan moral agama berbanding tahun 2019, manakala bagi kes-kes penyalahgunaan dadah, THTC dan keutuhan mencatatkan penurunan. Saya menggesa pengurusan markas dan unit untuk meneruskan inisiatif dan tindakan proaktif bagi menangani isu tatatertib dalam TLDM.

21. Menyorot kembali setiap cabaran dan pencapaian tahun 2020, secara keseluruhannya, saya simpulkan pencapaian kita berada di tahap yang amat memuaskan. Bagaimanapun kita tidak harus cepat berpuashati dan saya percaya pencapaian ini masih boleh dipertingkatkan pada tahun ini dengan terus memberi keutamaan kepada Empat Teras Utama Hala Tuju Kepimpinan TLDM iaitu:

Yang Pertama: Memberi keutamaan kepada Kesiagaan Armada TLDM.

Kedua: Pembangunan Armada TLDM sesuai perancangan Program Transformasi TLDM 15to5.

Ketiga: Meningkatkan integrasi dan sokongan kepada Aspek Kebersamaan.

Dan yang Keempat: Menyediakan Modal Insan Terbaik untuk memenuhi keperluan masa hadapan.

Warga the *Navy People* yang saya kasihi,

22. Dalam memacu TLDM ke arah kecemerlangan, direktif strategik sedia ada dijadikan sebagai panduan. Justeru, kesinambungan Peta Strategik 1320 (PS 1320) akan diteruskan dengan Peta Strategik 2021-2025 (PS 2125) yang mengambil panduan daripada Kertas Putih Pertahanan (KPP), Sistem Pengurusan Strategik (SPS) ATM 2125, Direktif Strategik Panglima Tentera Laut (DS PTL) dan Amanat Panglima Angkatan Tentera Tahun 2020.

23. PS TLDM 2125 mengandungi 4 Teras Strategik iaitu:

- Keupayaan dan Kesiagaan Angkatan (Force Capability and Readiness).

- Keberkesanan Perhubungan Strategik (Strategic Relationship Effectiveness).
- Kecemerlangan Modal Insan (Human Capital Excellence).
- Kesejahteraan Warga TLDM (Well Being of the Navy People).

24. Justeru, adalah menjadi harapan saya agar kita menggunakan panduan-panduan ini untuk meneruskan usaha ke arah kecemerlangan.

Warga the Navy People yang saya kasihi sekalian,

25. Menilai situasi semasa pandemik COVID-19 yang tidak menentu, setiap lapisan warga *the Navy People* perlu terus membudayakan norma baharu dalam kehidupan seharian samada di rumah, pejabat mahupun bertugas di tengah laut. Biarlah kita “*over do*” dalam mengambil tindakan pencegahan asalkan kesihatan kita dan organisasi terjamin.

26. Dalam usaha untuk menjadi sebuah angkatan laut yang kredibel, saya berhasrat agar warga *the Navy People* bersedia membuka minda untuk berubah. Diperamati, terdapat dikalangan kita yang membuat kerja secara ikut-ikutan tanpa memahami dan menyemak daripada rujukan. Jawapan yang sering diterima apabila ditanya ialah “memang macamni Tuan”. Saya menggesa supaya “**BUDAYA MEMANG**” ini hendaklah dihentikan segera. Marilah kita bersama-sama menjadi ejen perubahan dengan membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa.

27. Seajar dengan keperluan untuk berubah, kita harus memperkemaskan rujukan, dasar, prosedur dan peraturan semasa sentiasa dikemaskini. Ianya penting agar panduan ini selari dengan peredaran masa dan mematuhi pengarahannya.

28. Dari aspek latihan pula, saya mahukan ianya dimaksimumkan agar kompetensi warga *the Navy People* dapat dipertingkatkan. Saya percaya dengan ungkapan “*Practice makes perfect*”. Rancanglah

dengan teliti, di samping mengoptimalkan kemudahan latihan seperti simulator ataupun kaedah-kaedah baharu yang lebih kreatif.

29. Saya menggesa semua pemerintah untuk turun padang dan sentiasa menilai tahap kompetensi pegawai dan anggota masing-masing. Ingin saya kongsi ungkapan, “**You Get What You Inspect, Not What You Expect**”. Generasi sekarang adalah pemimpin dan pentadbir masa hadapan. Jangan kita biarkan mereka tanpa panduan dan bimbingan sewajarnya.

30. Keperluan meningkatkan kompetensi modal insan, kesiagaan platform dan penambahbaikan proses perlu berjalan seiringan. Kita perlu dari masa ke masa menilai dimana kedudukan kita. Oleh itu, saya mahu perancangan teliti kepada ketiga-tiga elemen ini dilaksanakan mengikut keutamaan dan bersesuaian dengan keadaan semasa.

31. Setiap perancangan yang dibuat perlu diselarikan dengan peruntukan kewangan yang diterima agar ia dapat dioptimumkan sewajarnya dan memberi pulangan faedah atau ROI yang tinggi kepada TLDM. Laksanakan perancangan yang realistik mengikut kemampuan dan keupayaan kita.

32. Di dalam keghairahan menggunakan media sosial dan rangkaian internet, saya tidak mahu insiden kebocoran maklumat di laman sesawang gelap (Dark Web) berulang di masa hadapan. Marilah kita bersama-sama mematuhi ikrar kesatria, “**Menyimpan rahsia negara dengan seketat-ketatnya**”.

33. Akhir kalam, marilah kita bersama-sama berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmatNya kepada perkhidmatan dan negara yang kita kasihi, melindungi dan mempermudah setiap urusan kita. Terima kasih saya ucapkan kepada semua *the Navy People* atas sumbangan dan perkhidmatan cemerlang yang telah dicurahkan sepanjang tahun 2020. Semoga TLDM sentiasa diberkati, dilindungi serta terus berjaya dan cemerlang dalam menempuh tahun 2021. In Sha Allah. Sekian,

وبالله توفيق والحداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Tahun Baharu 2021 dan Sedia Berkorban.